

Headline **Rekod 35 hari muzikal Adam**  
Date **29 Apr 2010**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Kosmo 2**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **33**  
Article Size **233 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **2,026**  
PRValue **6,078**



# Rekod 35 hari muzikal Adam

BAGI penggemar kisah cinta yang membuai jiwa dan perasaan, jangan ketinggalan untuk menyaksikan muzikal *Adam* yang bakal dipentaskan pada 12 Mei ini di The Actors Studio.


Memaparkan ceritera percintaan yang berbeza dengan kisah-kisah stereotaip sedia ada, muzikal itu cuba menonjolkan satu persembahan yang pasti sukar dilupakan penonton.

Pementasan muzikal *Adam* itu akan berlangsung selama 35 hari berturut-turut untuk mencipta rekod pementasan paling lama diadakan dengan penyertaan 23 pelakon teater berbakat di Malaysia.

Selain itu, ia turut menampilkan lapan band untuk beraksi dalam muzikal berkenaan dengan menyampaikan koleksi 18 buah lagu romantik dan menghiburkan.

Lebih istimewa, muzikal *Adam* dipersembahkan dengan kerjasama Yayasan AIDS Malaysia dalam usaha membasmi masalah ketagihan dadah dan menyebarkan kesedaran mengenai AIDS.

Muzikal itu diarahkan oleh Joe Hafsham dan skrip ditulis oleh Mark Beau de Silva. Antara pelakon yang bakal mewarnai mu-



TEATER muzikal *Adam* bukan sahaja membawa mesej tersendiri kepada penontonnya tetapi ia juga dalam percubaan rekod sebagai teater paling lama dipentaskan.

zikal itu ialah Malik Taufik, Mark Sobels, Tria Aziz, Sandra Mannas Wolf, Fairuz Tauhid dan Maria Yasmin. Legenda teater, Datuk Faridah Merican bertindak sebagai pengetua aktor.

Pementasan itu akan berlangsung sehingga 20 Jun ini. Untuk maklumat lanjut mengenai muzikal *Adam*, layari laman web [www.theactorsstudio.com.my](http://www.theactorsstudio.com.my) atau hubungi talian 03-2142 2009 atau 03-2143 2009.